

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN TAWARAN

RUJUKAN : MPK.Ps SULIT 183

BERTARIKH : 20 SEPTEMBER 2019

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **PEMBUAT TEMPATAN BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
<p>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</p> <p>KOD BIDANG</p> <p>221002 MEMBERSIH KAWASAN</p> <p>DAN</p> <p>221003 MENGANGKAT SAMPAH</p>	<p>SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP MAJLIS DI KAWASAN C (PADANG BESAR DAN KAKI BUKIT)</p>	<p>TARIKH : 26 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)</p> <p>MASA : 9.00 - 9.15 PAGI</p> <p>TEMPAT : DATARAN DATO' SHEIKH AHMAD, KANGAR, PERLIS</p>

2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAUHIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN** sahaja. Wakil-wakil kontraktor adalah tidak dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor perlu menunggu sehingga selesai taklimat dan lawatan tapak seperti yang diarahkan oleh Pihak Majlis. Sila bawa bersama **KAD PENGENALAN** dan **COP SYARIKAT** semasa lawatan tapak berkenaan.
3. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 30.00** daripada **UNIT PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-
- A) TARIKH PENJUALAN DOKUMEN : 30 SEPTEMBER 2019 (ISNIN) - 2 OKTOBER 2019 (RABU)**
- B) TARIKH PENGHANTARAN DOKUMEN : 4 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**
- C) MASA PENJUALAN DOKUMEN : 8.30 PAGI - 4.00 PETANG**
- D) WAKTU REHAT : 1.00 TENGAHARI - 2.15 PETANG (ISNIN - KHAMIS)
: 12.00 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)**
4. Semasa mengambil dokumen tawaran, pembuat hendaklah mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dengan kod bidang berkaitan dan **SATU (1) SALINAN** bagi sijil tersebut.
5. Permohonan dan pengambilan borang yang lewat daripada tarikh disebutkan di atas tidak akan dilayan.
6. **DOKUMEN TAWARAN ASAL** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis tajuk di sebelah kiri sampul surat serta dihantar supaya sampai ke Peti Tawaran di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI** pada **4 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.